

## **DAP puji bekas presiden MCA, Liow pertahan Umno hasut PAS laksana hudud**

**Malaysian Insider**

**5 Mei, 2014**

**Oleh Looi Sue-Chern**

Ketika debat mengenai hudud semakin memuncak, DAP memuji bekas presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek kerana berani melawan Umno sedangkan presiden yang ada Datuk Seri Liow Tiong Lai menjadi pengampu Umno.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng mengkritik Liow kerana terus mempertahankan Umno yang menghasut PAS agar melaksanakan hudud di Kelantan.

Bagi beliau, Liow gagal dalam langkah pertamanya untuk membuat transformasi MCA selepas gagal menentang atau mengkritik Umno.

"Mengapa Liow tidak berani meminta Umno meninggalkan BN apabila Umno menyokong pelaksanaan hudud di Kelantan?"

"Liow berlawanan dengan dirinya sendiri apabila dia akhirnya memutuskan sumber masalah pelaksanaan hudud di Kelantan adalah PAS, kerana ini bukan rang undang-undang kerajaan.

"Bagaimanapun sokongan Umno sebagai kerajaan di pusat akan menjadikan ia rang undang-undang kerajaan," kata Lim.

MCA terlalu terpengaruh dengan gaji dan jawatan jawatan kabinet yang dijanjikan perdana menteri, tambahnya.

"Liow mengeluarkan pandangan berbeza apabila dia membuat kesimpulan bahawa punca sebenar masalah hudud di Kelantan adalah PAS dan tidak melibatkan rang undang-undang kerajaan.

"Umno adalah parti yang memerintah kerajaan pusat maka secara tak langsung ia juga rang undang-undang daripada kerajaan pusat.

"Mungkin tawaran dan keistimewaan jawatan Kabinet yang dijanjikan (Perdana Menteri Datuk Seri) Najib Razak sangat menggiurkan sehingga Liow sanggup menjual MCA dengan menyokong hasrat Umno berkerjasama

dengan PAS melaksanakan hudud di Kelantan," soal Lim dalam kenyataan hari ini.

"Liow perlu berhenti jadi pak turut Umno dan cuba belajar daripada Chua cara untuk menentang Umno dengan berani... untuk menutup keagalannya mengkritik Umno, Liow bergantung sepenuhnya dengan media arus perdana berkempen menyerang DAP," katanya.

Lim berkata, dakwaan bahawa DAP bertanggungjawab terhadap tindakan PAS melaksanakan hudud di Kelantan adalah tidak benar sebaliknya tidak menyentuh tentang peranan yang dimainkan Umno.

Katanya, tuduhan itu berulang kali disangkal DAP namun pembohongan di media arus perdana terus berulang dan menasihatkan rakyat supaya merujuk kepada media online yang menyiarkan laporan yang adil dan tepat.

"Bagaimana Liow boleh kata desakan PAS untuk terus melaksanakan hudud di Kelantan itu cuma satu perangkap PAS terhadap Umno sedangkan Umno sendiri yang menghasut PAS melakukannya?

"Sebagai Ahli Parlimen DAP Bentong, Liow tahu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom memulakan kontroversi dengan menghasut PAS di Parlimen pada 27 Mac lalu supaya melaksanakan hudud di Kelantan," katanya.

Jamil seperti dilaporkan berkata bahawa Putrajaya sedia bekerjasama dengan mana-mana kerajaan negeri yang berhasrat melaksanakan hudud termasuk Kelantan kerana Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno juga pernah menyokong Enakmen Jenayah Syariah Kelantan II dilaksanakan pada tahun 1993.

Beliau juga tidak menghalang mana-mana ahli Parlimen pembangkang yang mahu membentangkan rang undang-undang persendirian.

Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah dalam sidang media 2 Mei lalu berkata, satu jawatankuasa teknikal bersama PAS, Putrajaya dan kerajaan Kelantan yang dibentuk Jamil berfungsi untuk memperhalusi pelaksanaan hudud di negeri itu.

Lim turut membidas pendirian "flip flop" Najib yang sebelum ini menyambut baik hasrat PAS melaksanakan hudud.

Katanya, Liow silap apabila mengatakan Umno berada dalam "situasi tidak adil" kerana sebagai parti Melayu dan beragama Islam, mereka tidak boleh menentang undang-undang yang terdapat dalam Al-Quran.

Tambahnya, Umno pada 25 September 2011 secara terang-terangan menentang hudud apabila Najib dalam ucapannya di Kampar mengisytiharkan Putrajaya tidak akan menguatkuasakan undang-undang Islam di Malaysia.

Ketua Menteri Pulau Pinang itu juga memetik kenyataan mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa satu negara tidak boleh ada dua sistem undang-undang yang berlainan dan sebab itu masyarakat Islam di Malaysia tidak bersedia untuk hudud.

"Daripada mengkritik Umno, Liow memilih untuk meletakkan kesalahan kepada DAP dan PAS sedangkan DAP hanya mengkritik PAS secara terbuka kerana bekerja dengan Umno selepas gagal mendapatkan sokongan Pakatan Rakyat.

"Liow perlu jelaskan sikap pilih kasih MCA menyerang DAP tetapi tidak berani mengkritik Umno yang menyokong PAS melaksanakan hudud," katanya yang menggesa MCA supaya mengemukakan permohonan maaf secara terbuka kerana enggan mengkritik Umno. – 5 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-puji-bekas-presiden-mca-liow-pertahan-umno-hasut-pas-laksana-hudud>